

## Peranan Modal Sosial Rapatan ke atas Pendayaupayaan Ekonomi Orang Kuala

W. A. Amir Zal<sup>a\*</sup>, Ma'Rof Redzuan<sup>a</sup>, Asnarukhadi Abu Samah<sup>a</sup>, Hanina H. Hamsan<sup>a</sup>

<sup>a</sup>*Jabatan Ekologi Sosial, Fakulti Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu*

\*Corresponding author: waamirzal@umt.edu.my

### Article history

Received: 27 Disember 2011

Received in revised form: 16

Februari 2012

Accepted: 7 March 2012

### Abstract

Relationship between Orang Asli and the outside community are often seen from the negative view in which they are in a disadvantage situation. This is because the relationship is in the form of oppressing and exploiting the Orang Asli. But rarely the relationship which known as bridging social capital is seen as an opportunity for Orang Asli to increase their income and to achieve economic empowerment. To examine the realities, this paper raises several questions, the reality of bridging social capital; existence of economic empowerment and role of bridging social capital to economic empowerment among Orang Kuala. This study was carried out using a qualitative approach which implement the in-depth interview method on Orang Kuala who are involved in second-hand goods business in the Bumiputera Dalam village, Rengit Johor. The study showed that the Orang Asli owned a particular bridging social capital and they had achieved economic empowerment. This study found that bridging social capital has a role in economic empowerment. Reality shows that the effort to bring Orang Asli into mainstream systems has shown a positive impact.

**Keywords:** Orang Kuala bridging social capital; economic empowerment through business involvement; the role of bridging social capital on economic empowerment

### Abstrak

Hubungan Orang Asli dengan masyarakat luar sering kali dilihat dari sisi negatif, iaitu hubungan yang merugikan Orang Asli. Ini kerana hubungan itu menyebabkan mereka ditindas dan dieksplotasi. Namun jarang sekali hubungan dengan masyarakat luar yang dikenali sebagai modal sosial rapatan dilihat sebagai peluang kepada Orang Asli untuk meningkatkan pendapatan mereka dan seterusnya mencapai pendayaupayaan ekonomi. Bagi meneliti realiti itu, makalah ini menimbulkan beberapa persoalan, iaitu realiti modal sosial rapatan Orang Kuala, kewujudan pendayaupayaan ekonomi dan peranan modal sosial rapatan ke atas pendayaupayaan ekonomi Orang Kuala. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengimplementasikan metode temu bual mendalam ke atas Orang Kuala yang menjalankan perniagaan barang terpakai di kampung Bumiputera Dalam, Rengit Johor. Dapatkan kajian menunjukkan Orang Kuala memiliki modal sosial rapatan tertentu dan telah mencapai pendayaupayaan ekonomi. Kajian ini mendapati modal sosial rapatan mempunyai peranan ke atas pendayaupayaan ekonomi. Realiti itu menunjukkan bahawa usaha membawa masyarakat Orang Asli ke dalam sistem arus perdamaian telah menunjukkan impak yang positif.

**Kata kunci:** Modal sosial rapatan Orang Kuala; pendayaupayaan ekonomi melalui penyertaan dalam perniagaan; peranan modal sosial rapatan ke atas pendayaupayaan ekonomi

© 2012 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

### ■1.0 PENGENALAN

Kaitan antara modal sosial rapatan Orang Asli dan pendayaupayaan ekonomi merupakan perkara yang asing. Sebaliknya umumnya modal sosial dikaitkan dengan pembangunan ekonomi hasil dari pemilikan jaringan dengan masyarakat lain. Menurut De Silva *et al.* (2007), sifat semula

jadi manusia yang saling membantu menyebabkan mereka tidak dapat berfungsi tanpa adanya hubungan dengan individu lain. Misalnya dapatan kajian Sturtevant dalam Flora dan Allen (2006) menunjukkan modal sosial menyebabkan komuniti mengadakan tindakan bersama dalam kegiatan ekonomi mereka. Dari sudut yang lain, Flora dan Allen (2006) dan Kay (2006)

mendapati pembangunan ekonomi tidak akan berlaku tanpa adanya modal sosial yang kuat terlebih dahulu.

Para sarjana turut menyedari modal sosial menentukan naik turun modal yang lain termasuklah kesannya ke atas ekonomi (Emery & Flora, 2006). Malah, ketidakgunaan modal sosial mewujudkan keterasingan ekonomi komuniti (UN-HABITAT, 2008). Ini kerana menurut Fey *et al.* (2006), modal sosial mengerakkan komuniti ke arah perubahan ekonomi komuniti. Misalnya dari pengamatan Tiepoh dan Reimer (2004), dan Leech dan Potts Jr (2010) yang mendapati modal sosial memudahkan komuniti untuk akses kepada sumber pendapatan.

## ■2.0 ISU PERANAN MODAL SOSIAL RAPATAN KE ATAS PENDAYAUPAYAAN EKONOMI

Orang Kuala merupakan salah satu suku kaum Orang Asli yang merupakan sekumpulan masyarakat peribumi di Semenanjung Malaysia. Mereka sering kali dikatakan sebagai kelompok masyarakat yang kurang berhubung dengan masyarakat luar, sebaliknya mereka hanya mempunyai hubungan yang akrab sesama mereka. Hubungan dengan masyarakat luar itu dikenali sebagai modal sosial rapatan (Monkman, Ronald & Théramène, 2005). Sungguhpun demikian, hubungan Orang Asli dengan masyarakat luar sudah lama berlaku, iaitu sejak abad ke-15 lagi (Gianno & Bayr, 2009) melalui aktiviti ekonomi-perdagangan (Dunn, 1975; Carey, 1977; Nicholas, Chopil & Sabak, 2003; Gianno & Bayr, 2009) yang memberi tumpuan kepada penjualan produk hutan seperti damar, kayu gaharu dan beberapa hasil hutan lain. Aktiviti ekonomi ketika itu banyak bergantung pada Orang Asli dan ia sehingga kini masih lagi berlaku (Rambo, 1979; Sarjit & Amir Zal, 2009; Amir Zal & Ma'Rof, 2010).

Pergantungan itu mewujudkan interaksi yang telah membuka ruang kepada Orang Asli untuk membina jaringan dengan masyarakat luar, sama ada bagi memasarkan produk mereka mahupun untuk tujuan lain. Interaksi tersebut menunjukkan wujudnya modal sosial rapatan antara Orang Asli dan masyarakat luar, sungguhpun ada antara hubungan itu tidak menguntungkan Orang Asli (Gomes, 2007; Toshihiro, 2009; Amir Zal & Ma'Rof Redzuan, 2010).

Realiti kini memperlihatkan peluang Orang Asli untuk membina jaringan dengan masyarakat luar semakin cerah sekiranya dilihat konteks penempatan mereka. Data JHEOA (2008) menunjukkan sebanyak 62.4 peratus dan 0.7 peratus perkampungan Orang Asli masing-masing berada di kawasan pekan dan bandar. Namun, ia menimbulkan persoalan berkenaan realiti modal sosial rapatan Orang Asli. Dapatkan kajian oleh Amir Zal dan Ma'Rof (2010), mendapati modal sosial rapatan antara Orang Asli dan masyarakat luar adalah rendah kerana jaringan yang wujud antara Orang Asli dan masyarakat luar hanyalah tertumpu pada hubungan dengan peraih sahaja yang menjalankan urusan jual-beli antara mereka.

Ia turut memberi kesan kepada pendayaupayaan ekonomi Orang Asli. Para sarjana seperti Gomes (2007), Tuck-Po (2005), Gianno dan Bayr (2009), Toshihiro (2009) dan Amir Zal dan Ma'Rof (2010) menyedari bahawa aktiviti ekonomi Orang Asli tidak terpisah dari kehidupan sehari-hari mereka. Ia dapat diteliti melalui rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan seperti penelitian ke atas Rancangan Malaysia Ketujuh hingga Kesepuluh yang telah membelanjakan lebih RM400 juta (JHEOA, 2008). Walau bagaimanapun, pembangunan itu dilaksanakan menerusi pendekatan paternalistik, dikuasai dan dikawal pemerintah (Asnarulkhadi & Hanina, 2008). Ini bermakna Orang Asli tidak dibawa untuk

turut serta merancang pembangunan untuk mereka sendiri. Justeru, Orang Asli tidak didedahkan untuk berdikari untuk menentukan kehidupan mereka termasuklah bagi aktiviti ekonomi mereka. Ini menyebabkan pendayaupayaan ekonomi Orang Asli sukar untuk diperhatikan kewujudannya.

Namun tidak bermakna pendayaupayaan ekonomi Orang Asli tidak berlaku. Dapatkan kajian Gianno dan Bayr (2009) menunjukkan adanya elemen pendayaupayaan ekonomi. Antaranya ialah mereka kurang bergantung pada pihak luar setelah diperkenalkan tanaman pertanian. Begitu juga dengan dapatkan kajian Amir Zal dan Ma'Rof (2010) yang menunjukkan Orang Asli bersungguh-sungguh mencari hasil hutan dan mengadakan tindakan khusus sekiranya mereka dieksplotasi.

Berkenaan dengan peranan modal sosial rapatan ke atas pendayaupayaan ekonomi, Verhoef (2008) menegaskan wujudnya perhubungan antara keduanya, seperti kesan dan kelebihan modal sosial rapatan ke atas pertumbuhan ekonomi. Begitu juga dengan pandangan Bridger dan Alter (2006) yang menunjukkan wujudnya kaitan antara modal sosial rapatan dengan perubahan dalam ekonomi komuniti. Realiti Orang Asli menunjukkan perkara yang hampir sama, meskipun tidak mengarahkan kepada pendayaupayaan ekonomi secara per se. Berasaskan pandangan Toshihiro (2009) misalnya yang mengaitkan secara langsung hubungan Orang Asli dengan masyarakat luar yang memberi kesan ke atas ekonomi mereka. Begitu juga dengan pandangan Gomes (2007) yang mendapati adanya pertumbuhan ekonomi sebagai natijah dari perhubungan dengan masyarakat luar meskipun ia tidak memberi kesan langsung kepada Orang Asli. Amir Zal dan Ma'Rof (2010) pula mendapati Orang Asli telah memanfaatkan hubungan dengan peraih untuk memperoleh ekonomi yang lebih baik.

Berdasarkan realiti itu, makalah ini menimbulkan beberapa persoalan khusus, iaitu apakah realiti modal sosial rapatan yang dimiliki Orang Kuala? Apakah wujudnya pendayaupayaan ekonomi Orang Kuala? Apakah peranan modal sosial rapatan ke atas pendayaupayaan ekonomi Orang Kuala?

## ■3.0 MODAL SOSIAL RAPATAN ORANG KUALA

Modal sosial rapatan membolehkan ahli komuniti mendekati masyarakat luar yang memberi kesan positif kepada mereka (Coffé & Geys, 2007). Bukan setakat itu sahaja, menurut Bridger dan Alter (2006), modal sosial rapatan telah menyediakan ahli komuniti untuk akses kepada sumber luar dan mempromosikan penyebaran maklumat melalui penciptaan jaringan tersebut. Disebabkan itulah modal sosial rapatan dikenali sebagai sisi terang bagi modal sosial (Coffé & Geys, 2008) yang mana ahli komuniti memperoleh manfaat yang sukar untuk didapati sebelum ini (Bottrell, 2009).

Realiti modal sosial rapatan Orang Asli secara umum, menurut Gomes (2004), Tuck-Po (2005) dan Amir Zal dan Ma'Rof Redzuan (2010) mendapati hubungan Orang Asli dengan masyarakat luar lebih bersifat hubungan eksplotasi yang mana pengetahuan Orang Asli dipergunakan untuk mendapatkan sumber hutan. Berbeza pula dengan Orang Kuala, perhubungan Orang Kuala dengan masyarakat luar dikesan sejak wujudnya tamadun Melayu lagi (Winstedt, 1988) yang mana mereka banyak membantu pemerintah Melayu untuk mempertahankan dan mengembangkan kerajaan pemerintah Melayu (Chou, 2003; Juli Edo, 2000; Andaya, 2008). Ini bermakna, modal sosial rapatan bukanlah perkara asing kepada Orang Kuala. Namun, dalam konteks semasa, modal sosial rapatan antara Orang Kuala dan masyarakat luar dijangkakan telah berubah. Hubungan antara mereka adalah bertujuan untuk

memenuhi keperluan ekonomi semata-mata dan bukan lagi bagi tujuan khidmat ketenteraan atau kemahiran laut lagi.

#### **■4.0 MODAL SOSIAL RAPATAN DAN PENDAYAUPAYAAN EKONOMI**

Pendayaupayaan ekonomi menjadi petunjuk kepada kejayaan dalam usaha pembangunan komuniti, iaitu dengan menilai peningkatan ekonomi komuniti (Moyle, Dollard & Biswas, 2006; Hollifield, Donnermeyer, Wolford & Agunga, 2007; Vyas & Watts, 2009). Realiti itu diperkuatkan lagi dengan dapatan kajian yang dibuat oleh Laverack dan Thangphet (2009) yang telah menjalankan kajian ke atas pengusaha ekotourism di Utara Thailand. Kajian yang dibuat oleh Hollifield *et al.* (2007) ke atas komuniti di Midwestern Amerika Syarikat menunjukkan projek pembangunan telekomunikasi berjaya meningkatkan pendapatan komuniti melalui penyertaan dan penggunaan khidmat telekomunikasi. Ini menunjukkan pendayaupayaan ekonomi berlaku dengan adanya penyertaan komuniti dalam program yang dijalankan ke atas mereka. Realiti turut disedari oleh Basargekar (2009) yang mana kajiannya mendapati penyertaan komuniti menyebabkan pendapatan mereka bertambah tanpa perlu adanya campur tangan dari pihak luar. Dalam masa yang sama ia dapat mengurangkan masalah kemiskinan yang berlaku dalam komuniti (Basargekar, 2009; Vyas & Watts, 2009).

Sungguhpun demikian, modal sosial tidak dikaitkan secara langsung dengan pendayaupayaan ekonomi. Namun tidaklah bermakna penyelidik sebelum ini gagal menemui perkaitan tersebut. Misalnya dapatan kajian Sturtevant dalam Flora dan Allen (2006) menunjukkan modal sosial menyebabkan komuniti mengadakan tindakan bersama sekiranya ekonomi mereka tergugat. Malah Flora dan Allen (2006) dan Kay (2006) menyimpulkan bahawa pembangunan ekonomi tidak akan berlaku tanpa adanya modal sosial yang kuat terlebih dahulu. Ini kerana menurut Fey *et al.* (2006), modal sosial mengerakkan komuniti ke arah perubahan ekonomi komuniti. Ia berlaku melalui pertumbuhan ekonomi komuniti (Berggren & Jordahl, 2006). Misalnya dari pengamatan Tiepoh dan Reimer (2004), dan Leech dan Potts Jr (2010) yang mendapati modal sosial memudahkan komuniti untuk akses kepada sumber pendapatan.

#### **■5.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini telah dilaksanakan di kampung Orang Asli suku kaum Orang Kuala atau Duano, Bumiputra Dalam, Rengit daerah Batu Pahat Johor. Penyelidik memilih lokasi ini kerana keunikannya yang membezakannya dengan kampung Orang Asli lain. Antaranya ialah kejayaan mereka mengubah hidup mereka melalui penyertaan dalam aktiviti ekonomi. Orang Kuala di kampung tersebut telah menyertai aktiviti perniagaan pengimportan barang terpakai dan telah membuka peluang ekonomi kepada masyarakat lain, termasuklah masyarakat Melayu untuk bekerja dengan mereka.

Data kajian ini dikumpulkan melalui metode temu bual mendalam yang menggunakan teknik protokol temu bual semi berstruktur. Protokol jenis ini lebih fleksibel dan responsif kepada keperluan untuk mendapatkan data. Temu bual telah dilaksanakan ke atas tujuh orang informan. Mereka terdiri daripada pembantu Tok Batin, pengerusi JKJK, pengerusi persatuan penduduk dan peniaga di kampung terbabit.

Setelah menemu bual informan, penyelidik telah mentranskripsikan kepada bentuk teks dan kemudiannya dianalisis menggunakan perisian komputer QSR NVivo.

Penyelidik membina kod terbuka dari data mentah yang diperoleh, kemudian kod tersebut dikelompokkan ke dalam kelompok yang sama. Proses ini membolehkan kod terbuka disaring bagi mengelakkan berlakunya pertindanan kod. Langkah seterusnya, penyelidik mengategorikan kelompok yang dibentuk ke dalam tema-tema yang khusus berasaskan persoalan kajian. Proses tersebut telah dilakukan melalui fungsi Free Nodes dan Tree Nodes QSR NVivo. Setiap tema yang dihasilkan itu menjadi panduan utama penyelidik untuk memparkan dapatan kajian.

#### **■6.0 HASIL KAJIAN**

##### **6.1 Latar Belakang Kajian Lokasi**

Kampung Bumiputra Dalam di Rengit didiami oleh Orang Asli suku kaum Orang Kuala. Orang Asli suku kaum Orang Kuala tidak suka mereka dipanggil sebagai Orang Kuala. Pada pandangan mereka, istilah itu digunakan oleh masyarakat luar untuk mengejek mereka. Justeru, mereka lebih selesa dipanggil sebagai Orang Laut, atau Orang Asli ataupun Melayu Asli dan ada juga suka dikenali sebagai Orang Duanu / Duano. Walau bagaimanapun, makalah ini tetap menggunakan istilah Orang Kuala kerana ia adalah nama formal yang digunakan oleh agensi berautoriti ke atas Orang Asli, iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Orang Asli suku kaum Orang Kuala merupakan sub kaum kepada Melayu Proto / Asli. Mereka dikenali sebagai Orang Kuala disebabkan penempatan awal mereka sebelum ini berada di kawasan kuala-kuala sungai dan hidup sebagai nelayan.

Orang Kuala juga kerap menggelari diri mereka sebagai Orang Laut, manakala Orang Asli yang berada di darat sebagai Orang Asli darat atau Orang Sakai. Dalam kumpulan besar Orang Asli, selain Orang Kuala, Orang Laut turut merujuk kepada Orang Seletar dan Mah Meri yang nama lainnya ialah Ma' Betisek atau Besese. Kesemua Orang Kuala beragama Islam. Berbeza dari Orang Asli lain, Orang Kuala bukanlah baru memeluk Islam, sebaliknya mereka beragama Islam sejak nenek moyang mereka lagi. Malah ada sesetengah dari mereka menganggap diri mereka sebagai bangsa Melayu dengan alasan, mereka bukannya mualaf, tetapi Muslim asal sebagaimana bangsa Melayu. Dikaitkan juga oleh beberapa golongan tua bahawa mereka mempunyai ikatan dengan kaum Asli yang terdapat di Riau Indonesia. Namun, jika berdasarkan pandangan Chou (2003) dan Andaya (2008), suku kaum Asli di Riau itu tidak dikhususkan pula sebagai Orang Kuala, tetapi digelar sebagai Orang Laut atau Suku Sampan.

Kebanyakan penduduk kampung dalam kajian ini terlibat dengan perniagaan barang terpakai yang diperoleh dari Singapura yang diambil sendiri tanpa melalui peraih. Walau bagaimanapun, tidaklah bermakna kesemua penduduk kampung terlibat dengan perniagaan itu, terdapat dalam kalangan mereka yang masih menumpukan kepada aktiviti tradisional untuk memperoleh pendapatan mereka. Berkenaan perniagaan barang terpakai, antara produk yang dijual oleh Orang Kuala ialah perabot, peralatan elektrik, permainan kanak-kanak dan pelbagai barang hiasan rumah. Mereka memulakan perniagaan itu sejak awal tahun 90-an lagi. Pada peringkat awalnya, mereka hanya berniaga secara kecil-kecilan di kawasan rumah mereka, kemudian menjadikan rumah sebagai stor barang terpakai. Namun kini, mereka telah diberi kemudahan lot kedai bagi memudahkan aktiviti jual beli barang itu. Kedai mereka banyak disinggahi oleh masyarakat luar termasuklah peraih dari negeri Kelantan dan Terengganu.

## 6.2 Modal Sosial Rapatan yang Dimiliki

Orang Kuala mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat luar. Masyarakat luar dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu pelanggan, penduduk bukan Orang Kuala yang tinggal berhampiran dan orang tengah. Hubungan baik tersebut berbeza mengikut kategori masyarakat luar. Khususnya hubungan dengan pelanggan, Orang Kuala menyatakan mereka melayan mereka dengan sebaik-baiknya dan cuba memenuhi kehendak pelanggan seperti menyediakan jenis barang yang dikehendaki, kuantiti, kualiti, harga dan menyediakan khidmat penghantaran barang dengan bayaran tambahan yang tidak berpatutan. Malahan penyediaan barang untuk dijual sekalipun adalah berasaskan keperluan oleh pelanggan mereka.

“Saya beli macam-macam barang di Singapore, tapi kena pilih juga. Kalau yang baik untuk customer kita, kita ambillah. Kena tengok juga, bukan ambil semua. Ya lah, nak ikut selera customer kita. Kalau tak, tak untung juga kita kan?” (Encik C).

Barangan perniagaan diperingkatkan kualitinya seperti mengecat kembali perabot dan membaiki peralatan elektrik yang dibeli dari Singapura. Dengan cara itu mereka dapat memuaskan kehendak pelanggan meskipun. Harga barang juga diletakkan rendah dan boleh ditawar asalkan memberi keuntungan dan memberi pulangan modal kepada mereka. Malah terdapat juga hubungan yang saling percaya antara Orang Kuala dan pelanggan seperti membenarkan pelanggan membeli secara hutang dan pelanggan pula memberi wang pendahuluan sebagai cara untuk menempah barang yang diperlukan. Namun ia hanya berlaku pada pelanggan yang dipercayai sahaja. Gambaran itu menunjukkan pemilikan hubungan baik antara Orang Kuala dan pelanggan mereka. Walau bagaimanapun, hubungan itu hanya melibatkan aktiviti perniagaan sahaja yang mana ia tidak membentuk kepercayaan untuk menguruskan perniagaan mereka.

Orang Kuala juga mempunyai hubungan yang baik dengan masyarakat bukan Orang Kuala yang tinggal berhampiran dengan kampung mereka. Hubungan baik itu bukan sahaja hubungan sebagai peniaga dan pelanggan, sebaliknya hubungan itu adalah dalam bentuk sosial. Hubungan sosial bermaksud hubungan bertujuan untuk menambah kenalan, bekerjasama dalam perkara yang tidak diketahui Orang Kuala, malah terdapat juga masyarakat luar membantu perniagaan Orang Kuala. Misalnya, Orang Kuala mendapat suntikan modal perniagaan dari masyarakat luar itu. Malah bentuk sokongan itu lebih mudah diperoleh dari masyarakat luar berbanding masyarakat Orang Kuala sendiri.

“Macam saya cakap Encik tadilah, saya dah empat kali jatuh (dalam perniagaan). Tapi mana ada orang kampung sini tolong. Ni ha, (ambil menudingkan jari pada seseorang di sebelahnya), dia salah tolong saya. Tolong bagi modal, nak hidup (mula) balik bisnes saya. Bagi duit. Orang kampung lain? Jangan haraplah, nak saya jatuh adalah” (Encik F).

Berkenaan dengan hubungan dengan orang tengah pula, Orang Kuala memiliki dua jenis orang tengah, iaitu orang tengah di Singapura, dan orang tengah tempatan. Menerusi orang tengah di Singapura, Orang Kuala memperoleh barang terpakai. Sementara itu, orang tengah tempatan membeli barang terpakai dari Orang Kuala untuk dijualkan di tempat mereka. Orang Kuala mempunyai hubungan baik dengan kedua-dua jenis orang tengah itu. Orang tengah Singapura terdiri daripada warga Bangladesh yang mengumpulkan barang terpakai, iaitu barang yang tidak lagi diperlukan oleh warga

Singapura. Orang tengah itu mengumpulkan barang terpakai itu di suatu tempat dan kemudiannya menghubungi Orang Kuala untuk menjualnya.

Khidmat orang tengah Bangladesh tersebut masih lagi baru digunakan oleh Orang Kuala. Sebelum itu Orang Kuala mengumpulkan barang terpakai sendiri di kawasan perumahan warga Singapura dan memperolehnya secara percuma. Sebaliknya, dengan menggunakan khidmat orang tengah Bangladesh, Orang Kuala tidak perlu bersusah payah untuk mengumpulkan barang terpakai. Sebaliknya mereka hanya perlu menunggu panggilan telefon dari orang tengah Bangladesh untuk mendapatkan barang yang telah siap dikumpulkan. Namun demikian, Orang Kuala terpaksa membelinya dari orang tengah itu.

Walau bagaimanapun, Orang Kuala hanya memilih orang tengah Bangladesh tertentu sahaja. Antara kriteria yang dipertimbangkan Orang Kuala ialah, harga yang ditawarkan dan kualiti barang. Sekiranya Orang Kuala tidak menyukai orang tengah Bangladesh tersebut, mereka mendapatkan orang tengah Bangladesh lain. Namun demikian, orang tengah Bangladesh juga melakukan perkara yang sama, sekiranya harga yang ditawarkan Orang Kuala bersesuaian dengan pertimbangan mereka, orang tengah Bangladesh hanya akan menghubungi Orang Kuala itu sahaja dan tidak akan menghubungi Orang Kuala yang lain. Realiti itu menunjukkan Orang Kuala mempunyai hubungan baik dengan orang tengah Bangladesh dalam urusan perniagaan mereka.

“Is, penting, mereka tu penting. Kalau tak jaga diorang, susah juga kita nak bermiaga Encik A.”

Begitu juga hubungan mereka dengan orang tengah tempatan yang membeli barang dari mereka. Orang tengah tempatan bukan sahaja dari penduduk setempat, malah ada juga dari Kelantan, Terengganu dan Perak yang mana mereka membeli barang yang ditempah awal. Misalnya, orang tengah tersebut memerlukan perabot dan peralatan mainan kanak-kanak, mereka menghubungi Orang Kuala untuk memastikan sama ada barang tersebut dapat disediakan atau tidak. Lazimnya, tempahan itu dibuat satu hingga dua minggu lebih awal bagi membolehkan Orang Kuala membuat tempahan dengan orang tengah di Singapura. Hubungan dengan orang tengah tempatan itu memberi keuntungan yang besar kepada Orang Kuala, justeru Orang Kuala menghargai hubungan baik itu.

## 6.3 Pendayaupayaan Ekonomi Orang Kuala

### Berinisiatif dan Berdikari

Penglibatan Orang Kuala Kampung Bumiputera Dalam dalam aktiviti perniagaan barang terpakai yang diperoleh dari Singapura telah berlaku sejak awal tahun 1990-an. Sebelum itu, kebanyakan penduduk di kampung tersebut terlibat dengan aktiviti sebagai nelayan. Perniagaan itu bermula setelah Orang Kuala menyedari potensi perniagaan tersebut sewaktu menjalankan perniagaan belacan di Singapura. Mereka mendapat banyak barang yang tidak diperlukan oleh warga Singapura dibuang sahaja sedangkan barang itu masih boleh digunakan. Lantaran itu, Orang Kuala membuat keputusan untuk mengumpul barang-barang tersebut dan menjualnya kembali di kampung mereka. Setelah mendapat keuntungan yang memberangsangkan, penduduk kampung lain juga telah turut serta dalam aktiviti ekonomi itu. Pada akhir tahun 1990-an, perniagaan tersebut semakin berkembang dan mendapat sambutan dari masyarakat luar.

Usaha memulakan perniagaan barang terpakai itu menunjukkan adanya elemen pendayaupayaan ekonomi yang khusus, iaitu berdikari. Mereka menyedari wujudnya peluang untuk meningkatkan ekonomi mereka, oleh itu mendorong mereka untuk menceburi bidang tersebut meskipun mereka menyedari mereka tidak mempunyai kemahiran asas perniagaan termasuklah kemahiran untuk membaca dan menulis.

“Saya yang mulakan dulu bisnes ni dulu. Saya tak pandai apa-apa pun, sekolah pun tak. Membaca pun tak reti, menulis Encik pun boleh tahulah kan. Tapi nak kira duit tu saya tahulah. Hehehe. Ya, nak mula bermiaga pun saya tak pandai asalnya. Saya hanya tengok orang buat, saya pun cuba jugalah. Buat sendirilah, tak payah nak susah orang lain” (Encik B).

Pendayaupayaan ekonomi jelas menonjol yang mana dimanifestasikan melalui usaha Orang Kuala mencari barang terpakai di Singapura meskipun mereka tidak arif tentang negara itu. Mereka mengunjungi kawasan perumahan khususnya di kawasan pangaspuri atau kondominium yang mana lazimnya penghuni perumahan itu membuang barang di bahagian bawah perumahan mereka. Bagi mengangkut pulang barang terpakai, mereka menyewa van untuk memunggah barang itu dengan harga RM500.00 bagi satu trip perjalanan ke Singapura. Bayaran itu tidak termasuk untuk wang petrol dan sagu hati kepada pemandu.

Meskipun terpaksa mengeluarkan kos yang besar, mereka tetap sanggup berkorban kerana keuntungan yang mereka peroleh adalah lebih besar dari kos yang terpaksa mereka tanggungkan. Selain itu, mereka juga terpaksa menggunakan khidmat penterjemah sekiranya menghadapi kesukaran untuk berkomunikasi dengan orang tengah Singapura. Namun, lazimnya mereka berinteraksi dengan cara menulis di papan putih yang disediakan oleh orang tengah. Kaedah itu digunakan ketika proses tawar-menawar antara peniaga Orang Kuala dan orang tengah Singapura.

#### **Kemahiran Membuat Keputusan dan Pertimbangan Ekonomi**

Peniaga Orang Kuala mempunyai kemahiran untuk menilai harga barang yang mahu dibeli dari orang tengah Bangladesh tanpa perlu bergantung pada orang lain. Mereka membuat anggaran harga yang sanggup dibeli pelanggan, ditambah dengan kos dan jumlah untung yang dingini. Kebolehan yang dimiliki itu membuatkan peniaga Orang Kuala dapat membuat keputusan tepat untuk memperoleh keuntungan yang mereka inginkan.

“Senang ja, mak cik bila dah tahu nak beli (barang), mak cik akan fikir, berapa agaknya orang nak beli. Agak-agaklah. Tapi kena tengok juga untung berapa kita nak. Kena campur juga duit keluar nak datang sini (kos)” (Puan A).

Penglibatan dalam perniagaan itu memerlukan mereka mengetahui kemahiran lain seperti nilai pertukaran wang asing. Pembelian barang di Singapura mengehendaki mereka menggunakan wang Dolar Singapura. Oleh itu mereka perlu mengetahui jumlah wang yang mereka perlukan untuk membeli barang yang ditetapkan orang tengah dalam mata wang Dolar Singapura. Kemahiran itu membolehkan mereka mengaut keuntungan yang lebih besar sekiranya dapat memanipulasikan mata wang itu.

Dari aspek yang lain pula, Orang Kuala turut dilihat berdaya upaya ekonominya kerana mereka mempunyai kuasa untuk membuat keputusan ke atas wang dimiliki mereka. Ia termasuklah kuasa menentukan barang apa yang mahu dibeli

dengan wang yang dimiliki. Mereka membuat keputusan itu bukan kerana terpaksa mengikut pandangan atau desakan orang lain, sebaliknya ia dibuat berdasarkan pertimbangan mereka sendiri. Begitu juga kebebasan mereka untuk menambah modal perniagaan seperti membeli aset baru untuk menjalankan perniagaan mereka.

“Tak ada, mana ada orang paksa saya guna duit saya. Duit tu duit saya, sayalah tahu apa boleh buat dengan duit tu. Icutlah, nikan duit saya. Saya guna untuk beli barang baru. Haa, rumah ni pun saya dengan suami saya dulu buat guna duit sendirilah”. (Puan A).

#### **Pulangan Pendapatan yang Berbaloi**

Orang Kuala memperoleh pendapatan yang lumayan hasil dari perniagaan barang terpakai tersebut. Mereka turut mendapat kehidupan mereka kini jauh berbeza dengan kehidupan sebelumnya yang menumpukan kepada aktiviti di laut semata-mata. Antara parameternya ialah Orang Kuala telah membina rumah mereka dengan menggunakan pendapatan yang mereka peroleh dari perniagaan yang diceburi. Begitu juga dengan pemilikan aset lain seperti kereta, motosikal dan van. Mereka turut menegaskan bahawa mereka boleh meneruskan perniagaan tanpa perlu bergantung pada pihak luar. Walau bagaimanapun, mereka tetap menyatakan mereka perlukan bantuan dari luar itu khususnya bantuan kewangan untuk membesarlukan perniagaan mereka.

“Saya tak pernah dapat bantuan luar. Orang Jabatan Kemajuan Orang Asli, langsung tak pernah tanya kami, bisnes kami. Ntahlah, diorang ni reti buat kerja ke? Tapi bagi sayalah Encik, saya tetap nak bantuan dari orang luar. Macam bank ke. Perlu modal nak buat bisnes ni Encik” (Encik A).

Dapatkan kajian ini menunjukkan wujudnya pendayaupayaan ekonomi dalam kalangan Orang Kuala. Ia dapat dilihat melalui pemilikan sikap berdikari, mempunyai inisiatif, pemilikan pendapatan yang tetap, pemilikan aset dan perubahan dalam hidup.

#### **6.4 Kaitan Modal Sosial Rapatan dan Pendayaupayaan Ekonomi**

Dapatkan kajian menunjukkan modal sosial rapatan Orang Kuala mempunyai peranan ke atas pendayaupayaan ekonomi mereka. Antaranya ialah berlakunya peningkatan pendapatan, keupayaan untuk mengembangkan perniagaan adalah disebabkan adanya hubungan dengan masyarakat luar. Malah Orang Kuala berpendapat hanya dengan mempunyai hubungan baik dengan masyarakat luar mereka dapat berjaya dalam perniagaan mereka.

“Em, kalau nak banding dengan orang kampung sini dengan orang luar, saya tengoklah kan, dengan orang luarlah lebih baik. Sebabnya... yelah, dengan orang kampung bukannya diorang nak beli barang kita, sebab diorang pun ada (barang yang sama). Tapi dengan orang luar, untung banyaklah. Saya ingat lagi, dulu, masa saya mula-mula buat kerja ni, berebut-rebut orang luar nak beli. Macam orang kata, pisang panas. Banyak dapat duit dari orang luar la”.

Hubungan yang baik diwujudkan dengan orang tengah Singapura amat bermakna kepada Orang Kuala. Sekiranya orang tengah tersebut mempunyai barang terpakai yang berkualiti, Orang Kuala itu segera dihubungi orang tengah tersebut. Orang tengah juga tidak akan mendahuluikan peniaga

lain selain peniaga yang mempunyai hubungan baik dengannya. Justeru, bagi Orang Kuala, hubungan dengan orang tengah Singapura itu perlu dijaga dengan baik.

Begitu juga dengan orang tengah tempatan, selain mengambil barang yang ditempaht lebih awal, orang tengah tempatan itu juga sering kali mengambil barang yang tidak ditempat mereka. Tindakan itu membolehkan Orang Kuala dapat menghabiskan segera stok barang perniagaan dan seterusnya membuat pembelian barang baru untuk dijual. Melalui cara itu, Orang Kuala mendapat keuntungan yang cepat serta dapat mengembangkan lagi perniagaan mereka.

Sementara itu, hubungan dengan penduduk bukan Orang Kuala yang berhampiran juga membawa kepada pendayaupayaan ekonomi mereka. Sokongan dalam bentuk bantuan kewangan untuk memulakan perniagaan membolehkan Orang Kuala meneruskan perniagaan mereka. Ia membolehkan Orang Kuala meneruskan perniagaan mereka meskipun mengalami kegagalan sebelum ini.

## ■7.0 KESIMPULAN

Orang Kuala mempunyai modal sosial rapatan dan ia ditunjukkan melalui hubungan yang wujud antara Orang Kuala dan masyarakat luar terutamanya dengan orang tengah, jiran bukan Orang Kuala dan pelanggan. Ia dimanifestasikan melalui rasa percaya, wujudnya perhubungan dan penyertaan dalam aktiviti ekonomi. Modal sosial rapatan menyebabkan Orang Kuala dapat meningkatkan pendapatan mereka. Dapatkan kajian ini selari dengan hasil kajian Coffé dan Geys (2007) yang menunjukkan modal sosial rapatan itu penting kepada sesebuah masyarakat. Kepentingan itu dipersetujui oleh Bridger dan Alter (2006). Menurut mereka, rapatan sosial membolehkan ahli komuniti untuk akses kepada sumber luar dan mempromosikan penyebaran maklumat melalui penciptaan jaringan.

Kajian ini juga menunjukkan Orang Kuala wujudnya pendayaupayaan ekonomi dalam kalangan Orang Kuala. Mereka mampu memanfaatkan barang terpakai untuk memperoleh sumber pendapatan yang lumayan. Ia memperlihatkan adanya inisiatif Orang Kuala untuk menghasilkan pendapatan. Mereka turut menunjukkan keupayaan untuk menjadi pemain yang aktif dalam aktiviti perniagaan melalui penentuan harga barang untuk dijual, kuantiti yang mahu dibekalkan, dan lain-lain pertimbangan. Dapatkan kajian ini menunjukkan wujudnya elemen pendayaupayaan ekonomi yang ditunjukkan oleh para pengkaji lain sebelum ini seperti berdikari (Wilson, 1996; Moyle et al, 2006 & Kapitsa, 2008), pemerolehan pendapatan dan berlakunya peningkatan (Costa, 2005; Moyle et al; 2006 & Kapitsa, 2008), kedapatan individu untuk mengawal pendapatan mereka (Kantor, 2005; Basargekar, 2009), memenuhi keperluan (Costa, 2005) dan membuat keputusan penggunaan pendapatan (Kantor, 2005).

Jelas dari kajian ini, modal sosial rapatan mempunyai peranan dalam membawa pendayaupayaan ekonomi Orang Kuala. Dapatkan kajian ini menguatkan lagi hasil kajian yang telah dibuat oleh Costa (2005), iaitu jaringan luar menyebabkan berlakunya peningkatan pendapatan dan keupayaan mereka untuk memenuhi keperluan penggunaan diri dan keluarga mereka. Kajian ini juga menunjukkan kebenaran yang dinyatakan oleh Coffé dan Geys (2008) dan Rusch (2010), iaitu modal sosial rapatan dikenali sebagai sisi terang bagi modal sosial.

Orang Kuala tidak lagi terasing dari masyarakat arus perdana, malahan mereka telah memanfaatkan hubungan itu untuk memperoleh keuntungan ekonomi. Manfaat itu tidak terhenti di situ sahaja, Orang Kuala menunjukkan keupayaan

mereka untuk menyertai aktiviti ekonomi tanpa perlu bergantung pada pihak lain yang membawa maksud kepada pendayaupayaan ekonomi. Jelas dari kajian ini membuktikan bahawa Orang Kuala mampu untuk berdikari dan bergerak seiring dengan masyarakat arus perdana melalui proses kesepadan sosial yang berlaku sejak sekian lama.

## Rujukan

- Amir Zal, W. A. & Ma'Rof Redzuan. 2010. *Komuniti Orang Asli Temiar Hubungannya dengan Peraih Hasil Hutan*. Seri Kembangan: Citrus Printing & Silkscreen.
- Andaya, L. A. 2008. *Leaves of the same tree-Trade and ethnicity in the Straits of Malaka*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Asnarulkhadi A. S. & Hanina H. H. 2009. Pendekatan dan Model Pembangunan Komuniti Orang Asli: Satu Ulasan dalam *Orang Asli Isu, Transformasi dan Cabaran* ed. Ma'Rof Redzuan dan Sarjit S. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Basargekar, P. 2009. Economic Empowerment Through Microfinance. *Journal of Business Insights & Transformation*. 2(1): 64–74.
- Berggren, N. & Jordahl, H. 2006. Free to Trust? Economic Freedom and Social Capital. *Kyklos*. 59: 141–169.
- Bottrell, D. 2009. Dealing With Disadvantage Resilience and the Social Capital of Young People's Networks. *Youth and Society*. 40(4): 476–501.
- Bridger, J. C. & Alter, T. R. 2006. Place, Community Development, and Social Capital. *Journal of the Community Development Society*. 37(1): 5–18.
- Carey, I. 1977. The Resettlement of the Orang Asli from a Historical Perspective. *Federation Museums Journal*. 24: 158–176.
- Chou, C. 2003. *Indonesian Sea Nomads Money, Magic, and fear of the Orang Suku Laut*. British: Taylor & Francis Group.
- Coffé, H. & Geys, B. 2008. Measuring the Bridging Nature of Voluntary Organizations The Importance of Association Size. *Sociology*. 42(2): 357–369.
- Costa, J. A. 2005. Empowerment and Exploitation: Gendered Production and Consumption in Rural Greece. *Consumption, Markets and Culture*. 8(3): 313–323.
- De Silva, M. J., Harpham, T., Huttly, S. R., Bartolini, S. & Penny, M. E. 2007. Understanding sources and types of social capital in Peru. *Community Development Journal*. 42(1): 19–33.
- Dunn, F. L. 1976. Rain-forest Collectors and Traders: A Study of Resource Utilization in Modern and Ancient Malaya. *Monographs of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* (5). Kuala Lumpur: MBRAS.
- Emery, M. & Flora, C. (2006). Spiraling-Up: Mapping Community Transformation with Community Capitals Framework. *Journal of the Community Development*, 37 (1): 19–35.
- Fey, S., Bregendahl, C. & Flora, C. 2006. The Measurement of Community Capitals through Research. *The Online Journal of Rural Research and Policy*. 1(1): 1–28.
- Flora, J. L. & Allen, B. L. 2006. Introduction: Community Development and Social Capital. *Journal of The Community Development Society*. 37(1): 1–4.
- Gianno, R & Bayr, K. J. 2009. Semelai Agricultural Patterns: Toward an Understanding of Variation Among Indigenous Cultures in Southern Peninsular Malaysia. *Journal of Southeast Asian Studies*. 40(1): 153–185.
- Gomes, A. G. 2007. *Modernity and Malaysia Settling the Menraq forest Nomads*. Britain: Routledge.
- Hollifield, C. A., Donnermeyer, J. F., Wolford, G. & Agunga, R. 2007. Leading Community Innovation: Organizing Successful Rural Telecommunications Self-Development Projects. *Community Development*. 38(2): 52–67.
- JHEOA. 2008. *Data Maklumat Asas*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Kantor, P. 2005. Determinants Of Women's Microenterprise Success In Ahmedabad, India: Empowerment And Economics. *Feminist Economics*. 11(3): 63–83.
- Kapitsa, L. M. 2008. Women's Economic Empowerment. United Nations Division for the Advancement of Women Expert Consultation on the 2009 World Survey on the Role of Women in Development: Women's control over economic resources and access to financial resources, including microfinance. Bangkok, Thailand: 12–14 November, 2008.
- Kay, A. 2006. Social capital, the social economy and community development. *Community Development Journal*. 41(2): 160–173.

- Laverack, G. & Thangphet, S. 2004. Building community capacity for locally managed ecotourism in Northern Thailand. *Community Development Journal*. 44(2): 72–185.
- Leech, T. G. J. & Potts Jr, E. 2010. Community Empowerment through an Academic Product: Implications for the Social-justice Oriented Scholar. *Journal of African American Studies*. 14(1): 75–86.
- Monkman, K., Ronald, M. & Théramène, F. D. 2005. Social and Cultural Capital in an Urban Latino School Community. *Urban Education*. 40(4): 4–33.
- Moyle, T. L., Dollard, M. & Biswas, S. N. 2006. A Self-help Group Approach Personal and Economic Empowerment in Rural Indian Women: A Self-help Group Approach. *International Journal of Rural Management*. 2: 245–266.
- Nicholas C., Chopil T. Y. & Sabak T. 2003. *Orang Asli Women and the Forest*. Subang Jaya: Center for Orang Asli Concern.
- Rambo, A. T. 1979. Human Ecology of the Orang Asli: A Review of Research on the Environment Relation of the Aborigines of Peninsular Malaysia. *Federal Museums Journal*. 24: 41–74.
- Rusch, L. 2010. Rethinking Bridging: Risk and Trust in Multiracial Community Organizing. *Urban Affairs Review*. 45(4): 483–506.
- Sarjit S. G., & W. A. Amir Zal. 2009. Penerimaan Belia Orang Asli terhadap Teknologi Maklumat Komunikasi ICT di Selangor, dalam *Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya*. ed. Abdul Razaq Ahmad dan Zalizan Mohd Jelas. Bangi: Penerbit UKM.
- Tiepoh, M. G. N. & Reimer, B. 2004. Social Capital, Information Flows, and Income Creation in Rural Canada: A Cross-Community Analysis. *Journal of Socio-Economics*. 33: 427–448.
- Toshihiro, N. 2009. *Living on The Periphery Development and Islamization among the Orang Asli in Malaysia*. Subang Jaya: Center for Orang Asli Concerns.
- Tuck-Po, L. 2005. *Changing Pathways Forest Degradation and The Batek of Pahang, Malaysia*. Petaling Jaya: Strategic Information Research Development.
- UN-HABITAT. 2008. *An Asset-based Approach to Community Development and Capacity-Building; The Human Settlements Financing Tools and Best Practices Series*, Nairobi: United Nations Human Settlements Programme.
- Verhoef, G. 2008. Nationalism, social capital and economic empowerment: SANLAM and the economic upliftment of the Afrikaner people, 1918–1960. *Business History*. 50(6): 695–713.
- Vyas, S. & Watts, C. 2009. How Does Economic Empowerment Affect Women's Risk Of Intimate Partner Violence In Lowand Middle Income Countries? A Systematic Review Of Published Evidence. *Journal Of International Development*. 21: 577–602.
- Wilson, P. A. 1996. Empowerment: Community Economic Development from the Inside Out. *Urban Studies*. 33: 617–630.
- Winstedt, R. O. 1988. *A History of Malaya Revised and Enlarged*. Kuala Lumpur: Marican & Sons (Malaysia) Sdn. Bhd.